

284

SOALAN NO: 54

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS
[TELOK KEMANG]
TARIKH : 26 MAC 2018
SOALAN : 54

Dato' Kamarul Baharin Bin Abbas [Telok Kemang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan rancangan Kementerian meningkatkan mutu perkhidmatan kesihatan dan infrastruktur pada masa akan datang memandangkan sebanyak 98.5% rakyat pada masa kini kebanyakannya masih mendapatkan rawatan kelas ketiga di hospital-hospital awam.

Tuan Yang di-Pertua,

Rawatan perubatan yang diberikan kepada semua pesakit adalah sama tanpa mengira kelas kelayakan. Kelas kelayakan hanya membezakan kemudahan yang diberikan kepada pesakit dan bukannya rawatan yang diberikan.

Kementerian Kesihatan Malaysia juga sentiasa berusaha meningkatkan mutu perkhidmatan kesihatan dengan melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memperkasakan sistem penyampaian agar boleh dinikmati oleh semua rakyat tanpa mengira kelayakan. Antara inisiatif tersebut adalah

inisiatif Hospital Kluster untuk mengoptimumkan akses perkhidmatan kepakaran antara hospital dan inisiatif *Lean Healthcare* bagi menambahbaik proses kerja perkhidmatan sedia ada. Setakat ini, 10 kluster telah diwujudkan dan 52 hospital telah melaksanakan inisiatif *Lean Healthcare* di Jabatan Kecemasan dan Wad Perubatan.

Perkhidmatan Rawatan Harian juga telah diperluaskan di mana 131 hospital telah melaksanakan rawatan harian bagi komponen *surgical* dan *non-surgical*. Ini akan mengurangkan keperluan rawatan secara pesakit dalam dan sekali gus mengurangkan tempoh menunggu untuk rawatan.

Selain itu, KKM juga sedang giat menaiktaraf dan membina infrastruktur-infrastruktur kesihatan agar semua perkhidmatan kesihatan yang diperlukan oleh rakyat dapat disampaikan dalam keadaan yang selesa dan selamat.

Di sepanjang tahun 2011 hingga 2017, sebanyak 5 hospital baharu dan 65 klinik kesihatan baharu telah dibina dengan perbelanjaan sebanyak RM3.399 bilion. Selain dari itu, sebanyak RM854 juta telah dibelanjakan untuk kerja-kerja penambahbaikan dan pembaikan kecil di hospital dan klinik kesihatan dalam tempoh yang sama.